

## Syarat Kelulusan Lesen Pusat Siber dan *Cyber Café*

1. Pengurusan pusat siber dan *cyber café* hendaklah secara professional oleh pengurus yang mempunyai pengetahuan yang luas dalam bidang ini.
2. Pekerja rakyat asing adalah tidak dibenarkan bekerja di pusat siber dan *cyber café*.
3. Pengusaha pusat siber dan *cyber café* hendaklah mempunyai pekerja yang mencukupi setiap masa bagi mengawasi setiap aktiviti di pusat siber dan *cyber café* tersebut.
4. Aktiviti utama ataupun *core business* pusat siber dan *cyber café* adalah dihadkan kepada aktiviti penyebaran dan mendapatkan maklumat melalui internet sahaja. Kegiatan-kegiatan lain adalah tidak dibenarkan sama sekali khususnya berbentuk hiburan seperti berikut:
  - 4.1 Permainan Video;
  - 4.2 Perjudian;
  - 4.3 Gambar-gambar lucah;
  - 4.4 Muzik (*pipe muzik*);
  - 4.5 Penjualan bahan bercetak khususnya yang mengandungi unsur-unsur negative.
5. Pengusaha pusat siber dan *cyber café* juga hendaklah bertanggungjawab untuk memastikan tiada sebarang aktiviti kurang sihat berlaku di pusat siber dan *cyber café*. Tindakan segera hendaklah diambil sekiranya berlaku aktiviti kurang sihat tersebut yang melibatkan pelanggan mereka.
6. Penggunaan Cermin gelap adalah dilarang.
7. Masa operasi bagi pusat siber dan *cyber café* adalah dihadkan sehingga pukul 11.00 malam sahaja.
8. Bagi pengunjung di bawah umur 12 tahun, mereka hanya dibenarkan mengunjungi pusat siber dan *cyber café* sehingga 10.00 malam sahaja.
9. Pengunjung di bawah umur 12 tahun boleh mengunjungi pusat siber dan *cyber café* dengan ditemani oleh ibu bapa ataupun penjaga.
10. Pelajar yang berpakaian seragam sekolah adalah dilarang memasuki pusat siber dan *cyber café*.
11. Penjualan minuman keras dan rokok adalah dilarang sama sekali di pusat siber dan *cyber café*.
12. Pelanggan juga adalah dilarang untuk membawa sebarang minuman keras dan juga rokok dari luar.
13. **Pengusaha hendaklah menyediakan buku rekod kemasukan pelanggan bagi disemak oleh pihak berkuasa pada bila-bila masa.**
14. **Kedudukan komputer hendaklah diletakkan dalam ruang yang terbuka, dilarang mengadakan sekatan atau bilik.**
15. Pengusaha pusat siber dan *cyber café* juga hendaklah mengambil perhatian ke atas aspek-aspek kebersihan dengan menyediakan kemudahan tong sampah dan tandas awam mencukupi.
16. Premis hendaklah menepati syarat-syarat penggunaan dan kelulusan bangunan yang telah ditetapkan dan sebarang pengubahsuaian ke atas bangunan hendaklah mendapat kelulusan daripada Majlis Daerah Selama terlebih dahulu.
17. Tindakan menutup premis perniagaan pusat siber dan *cyber café* akan dijalankan jika pengusaha pusat siber dan *cyber café* didapati melanggar syarat-syarat yang telah ditetapkan.

DENGAN PERINTAH,

YANG DIPERTUA  
MAJLIS DAERAH SELAMA